



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PROGRAM SKUAD WAJA SISWA NEGERI JOHOR TAHUN
2025**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN KULIAH A, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA (UTHM)
23 OKTOBER 2025 (KHAMIS) 12.00 | TENGAH HARI**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam Malaysia MADANI,
Terima kasih kepada pengacara majlis

SALUTASI

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berhimpun pada hari ini dalam **Program Skuad Waja Siswa Tahun 2025** anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian **YBhg. Prof. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** hadir ke Majlis Perasmian Program Skuad Waja Siswa ini dan juga kesudian **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** bekerjasama dan menerima jemputan kami sebagai tuan rumah bagi program ini.

3. Sekalung penghargaan juga saya huluskan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) khususnya **Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Negeri Johor** selaku penganjur program.
4. Inisiatif seperti ini amat penting dalam usaha kita memastikan kampus bukan sahaja menjadi pusat ilmu, tetapi juga **ruang yang selamat, beretika dan bebas daripada segala bentuk gangguan serta diskriminasi.**
5. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada hampir **500 orang peserta** yang hadir pada hari ini meluangkan masa dan memberi sokongan kepada program ini. Komitmen seperti inilah yang diperlukan dalam usaha menyokong **kempen menangani keganasan terhadap wanita dalam kalangan para siswa.**

(B) **KEGANASAN TERHADAP WANITA DALAM KALANGAN SISWA**

Hadirin yang saya muliakan,

6. Negara kita telah mencatat kemajuan dalam memperjuangkan kesaksamaan gender melalui ***Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)***, iaitu perjanjian hak asasi manusia bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita.
7. Malaysia menandatangani konvensyen ini pada 5 Julai 1995, menjadikan tahun 2025 sebagai ulang tahun ke-30 komitmen negara terhadap hak wanita dan kesaksamaan gender.
8. Komitmen ini dizahirkan melalui pelbagai langkah strategik yang **merangkumi dasar, perundangan, pembangunan institusi serta advokasi kepada masyarakat**. Justeru, Program Skuad Waja Siswa ini dilihat sebagai salah satu wadah dan kaedah yang dilaksanakan di peringkat Kementerian dalam menangani isu keganasan terhadap wanita.

9. Keganasan terhadap wanita bukan isu baharu dan berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk fizikal, seksual, ekonomi, psikologi dan emosi, malah ada yang tersembunyi di sebalik institusi dan hubungan peribadi.
10. Kes-kes seperti pergaulan bebas, pembuangan bayi, suka pada hiburan melampau, buli siber dan gangguan seksual merupakan antara masalah yang sering kita dengar di kampus.
11. Penularan kes seperti ini, bukan sahaja menjejaskan pelaku dan mangsa, malah turut mencemarkan imej individu dan institusi yang terbabit.
12. Para siswa dan siswi sebagai bakal pemimpin masa hadapan **perlu peka, berani melaporkan perbuatan salah, serta menjadi sahabat yang membantu mangsa**, bukan sekadar menonton atau menularkan kejadian.
13. Mahasiswa dihadapan saya ini harus berperanan sebagai mata dan telinga masyarakat serta agen perubahan di institusi masing-masing. Usaha menangani keganasan dan jenayah pula tidak boleh hanya berasaskan hukuman, tetapi perlu disertai pendidikan nilai, sokongan psikososial dan advokasi berterusan.

14. Gangguan seksual, misalnya, boleh berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada fizikal, lisan, visual atau melalui platform digital dan meskipun jumlah kesnya kecil, kesannya amat besar terhadap kesejahteraan mental, motivasi akademik dan reputasi institusi.
15. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil langkah tegas menangani kes gangguan seksual dengan penguatkuasaan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) secara berperingkat mulai Mac 2023.
16. Selain itu, penubuhan Tribunal Anti-Gangguan Seksual (TAGS) memperkukuh mekanisme perlindungan mangsa, membolehkan aduan dibuat dengan lebih cepat, selamat dan tanpa perlu melalui proses mahkamah yang panjang.
17. Menurut statistik **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)**, **jenayah seksual bagi bulan Januari hingga Ogos 2025** bagi peringkat umur 19 tahun hingga 30 tahun adalah sebanyak **1,116 kes**. Kes yang dilaporkan melibatkan kes seperti seperti rogol, sumbang mahram, cabul kehormatan dan gangguan seksual.

18. Berdasarkan **statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula, sejumlah 9,737 remaja berumur 10 hingga 19 tahun hamil luar nikah** bagi tempoh **5 tahun** yang berdaftar di fasiliti kesihatan KKM, iaitu sekitar 0.33 peratus dari jumlah 2.89 juta remaja perempuan di Malaysia. Selain itu, data KKM juga menunjukkan **seramai 1,091 pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dijangkiti HIV dalam tempoh tahun 2020 hingga 2024.**
19. Statistik-statistik ini amat membimbangkan dan kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi memastikan angka-angka tersebut tidak lagi menunjukkan peningkatan yang menggerunkan.

(C) OBJEKTIF PENUBUHAN SKUAD WAJA

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Pelaksanaan Program Skuad Waja Siswa ini sangat bertepatan dengan fenomena sosial yang berlaku dan menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan budaya dalam kampus.
21. **Modul Skuad Waja (Wanita Anti Jenayah)** yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) memfokuskan kepada penyampaian ilmu dan kemahiran

asas psikologi serta slot informasi jenayah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu keganasan khususnya terhadap wanita.

22. **Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI)** yang dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pula merangkumi slot Maklumat Kesihatan Reproduktif Seksualiti, tanggung jawab seksual dan tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan.
23. Modul ini dilihat dapat menyampaikan maklumat tambahan serta membuka minda para siswa.ialah program sukarelawan yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menghentikan keganasan terhadap wanita. Sehingga **September 2025**, seramai **339,514 ahli telah berdaftar**, terdiri daripada **263,430 wanita dan 76,054 lelaki** di seluruh negara.
24. Bagi menangani peningkatan kes jenayah dalam kalangan pelajar IPT, keahlian Skwad Waja diperluaskan pada tahun 2025 kepada golongan siswa melalui penubuhan **Skuad Waja Siswa**.

25. Pada tahun yang sama, tiga institusi iaitu **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**, **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)** dan **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** dipilih sebagai tuan rumah penganjuran program ini, melibatkan penyertaan daripada **19 institusi pengajian tinggi**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

26. Setiap tahun, dunia menyambut Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita atau *Elimination of Violence Against Women* (EVAW) dari bulan Ogos hingga kemuncaknya pada 25 November. Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran, pendidikan dan perlindungan terhadap isu keganasan serta diskriminasi wanita.
27. Sehubungan itu, program **Skuad Waja Siswa** menjadi platform sesuai untuk menggerakkan kempen EVAW dengan mendidik siswa sebagai agen perubahan yang menolak budaya keganasan.
28. Pelaksanaan program ini juga selaras dengan aspirasi **Malaysia Madani** yang menekankan nilai ihsan dan hormat serta seiring dengan **Dasar Wanita Negara (DWN)** dan **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW)**

2025–2030 yang menumpukan pencegahan keganasan terhadap wanita dan pembinaan budaya hormat dalam masyarakat.

(D) **PENUTUP**

29. Adalah menjadi harapan saya supaya **Program Skuad Waja Siswa ini memberi manfaat kepada para siswa** yang hadir dan ia **menjadi titik mula kepada perubahan budaya** dalam kalangan warga IPT.
30. Marilah kita bersama-sama mendokong usaha menangani keganasan dan melindungi para siswa daripada segala bentuk keganasan dan penganiayaan. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacitanya saya merasmikan **Program Skuad Waja Siswa Negeri Johor Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
23 Oktober 2025.